

09 JUL 2003

Multaqa-Sri Lanka/I

MULTAQA FORUM ULAMA BERTUKAR PENDAPAT - KATA PESERTA SRI LANKA

Oleh: Halit Morat

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Penganjuran Multaqa Ulama Sedunia oleh Kerajaan Malaysia adalah tepat pada masanya kerana dunia Islam kini menghadapi pelbagai cabaran yang perlu diatasi, kata peserta Sri Lanka ke multaqa itu Dr M.A.M Shukri.

"Ia adalah forum yang amat sesuai bagi ulama-ulama Islam dunia berhimpun dan bertukar-tukar pendapat serta cuba merangka dasar yang boleh memanfaatkan Islam dan umatnya," katanya kepada Bernama di venue multaqa di Hotel Marriott Putrajaya di sini, hari ini.

Multaqa tiga hari itu, yang bermula esok, akan disertai 840 ulama, cendekiawan dan ahli pemikir Islam dari 33 negara. Mereka antara lain akan membincangkan isu-isu semasa serta hala tuju masa depan umah Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan multaqa itu esok.

Dr Shukri, pengarah universiti Islam swasta di Sri Lanka, Jamia Naleemia Islamiyya, memuji kerajaan Malaysia kerana sentiasa menerajui usaha memperjuangkan perkara-perkara yang memanfaatkan Islam dan umatnya.

Beliau berkata multaqa itu adalah satu lagi usaha Malaysia menganjurkan acara utama bagi manfaat umat Islam.

Mengenai keadaan semasa yang dihadapi oleh dunia Islam terutamanya selepas pencerobohan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, Dr Shukri berkata dunia Islam sememangnya kini dalam krisis.

"Kita menghadapi cabaran dari pelbagai pihak tetapi ia bukanlah sesuatu yang baru bagi Islam memandangkan ia senantiasa menghadapi banyak cabaran," katanya.

Bagaimanapun, katanya umat Islam tidak harus berputus asa sebaliknya bersedia menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan.

Menurutnya bagi mencapai matlamat itu, para ulama pada multaqa pertama itu perlu membantu umat Islam membina keyakinan yang diperlukan dengan membincangkan isu-isu berkenaan dan cara-cara menanganinya.

-- BERNAMA

HM AZZ NAK